



PENGURUS Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Selatan, Mohd Zaki Jaafar menerima Anugerah Emas kumpulan The Sheriff sempena Konvensyen Team Excellence Wilayah Pantai Timur disampaikan Idris.



KETUA Hakim Syarie Mahkamah Syariah Negeri, Datuk Mohd Radzi Abdul Latif menerima Anugerah 'Gold Award' kepada kumpulan pasukan Syariah 'Aura Kesidang' Mahkamah Syariah negeri sempena International Convention On Quality Control Circle (ICQCC 2016).

Harap Melaka tersenarai dalam Bajet 2017

Oleh **FUAD RAMDAN**

BUKIT KATIL 18 Okt. - Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Ir. Idris Haron berharap perkhidmatan pelancongan dan infrastruktur negeri mampu ditambah baik menerusi pembentangan Bajet 2017.

Pembentangan Bajet 2017 itu akan dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama, Mohd Najib Tun Razak, Jumaat ini.

Menurutnya, beliau telah merancang beberapa perkara yang akan ditambah sekiranya Melaka menerima peruntukan dari jumlah bajet dibentangkan.

Idris berkata, antaranya hubungan kepada jajaran lebuh raya persisiran pantai, pembezaan Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka (LTAM), ruang tanah pelupusan sampah, pembinaan jejantas dan persimpangan berlampu isyarat untuk mengurangkan tekanan lalu lintas.

"Semuanya kalau dapat dipertimbangkan Perdana Menteri, ia suatu yang membanggakan," katanya pada sidang media selepas merasmikan Perhimpunan Bulanan Kerajaan Negeri Anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Ke-



KETUA Pendaftar Mahkamah Syariah Negeri, Abu Suffiyan Abu Yaziz turut menerima Anugerah Emas kumpulan The Sheriff disampaikan Idris.



IDRIS menyampaikan Anugerah Best State Booth Award-2nd Runner up International Greentech & Eco Product Exhibition & Conference Malaysia (IGEM) 2016 kepada Samsul Ambia Abdul Aziz mewakili Sub Unit Perancangan Ekonomi.

penggunaan (KPDNKK) negeri di Dewan Tun Ali di sini, hari ini.

Sementara itu, Idris turut merancang untuk menambah baik kegiatan pelancongan domestik serta produk pelancongan negeri ini diikuti penambahbaikan suasana Sungai Melaka Fasa Satu dan Dua serta pembangunan pusat ekonomi di tanah-tanah kerajaan yang boleh dibangunkan.

"Ia bagi mengimbangi kegiatan ekonomi agar tidak tertumpu di satu kawasan," katanya.



SEBAHAGIAN penjawat awam yang hadir pada majlis tersebut.